



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

JPJ PERKUKUH PENGUATKUASAAN BANTERAS KEGIATAN 'ULAT' DI KLIA

SEPANG – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melalui JPJ Negeri Selangor terus memperhebat tindakan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan individu yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan penumpang secara haram atau dikenali sebagai '**ulat**' di **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan Terminal 2** menerusi pelaksanaan **Operasi Ulat (Ops Ulat)**.

Kegiatan ini dikesan menyasarkan penumpang yang baru tiba di balai ketibaan dengan menawarkan perkhidmatan **kereta sewa tidak berlesen** pada kadar caj antara **RM80 hingga RM150** bagi perjalanan ke Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, iaitu jauh lebih tinggi berbanding kadar perkhidmatan teksi atau limosin berlesen yang lazimnya sekitar **RM65 hingga RM80**.

JPJ memandang serius kegiatan ini kerana bukan sahaja menyalahi **undang-undang**, malah menjejaskan **integriti sistem pengangkutan awam negara**, merugikan **pengusaha berlesen** serta memberi **imej negatif kepada Malaysia** sebagai destinasi pelancongan.

JPJ **tidak akan berkompromi** terhadap mana-mana individu yang terlibat dalam kegiatan tersebut. Tindakan tegas akan diambil mengikut **Seksyen 205(1), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]**, yang memperuntukkan hukuman **denda sehingga RM50,000**, atau **penjara sehingga lima (5) tahun**, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mana-mana pihak yang didapati **bersubahat** dalam kegiatan ini juga boleh didakwa di bawah **Seksyen 243(1), Akta 715**, manakala kenderaan yang digunakan bagi menjalankan aktiviti tersebut boleh **disita dan dilucuthakkan** mengikut **Seksyen 227, Akta 715**.

JPJ menyeru orang ramai, khususnya **pelancong dan pengguna perkhidmatan di KLIA**, supaya hanya menggunakan **perkhidmatan pengangkutan yang sah dan berlesen**.

Sebarang **maklumat atau aduan** berkaitan kegiatan 'ulat' boleh disalurkan melalui **Portal Aduan dan Maklum Balas JPJ (jpj.spab.gov.my)** atau **e-Aduan@JPJ** menerusi aplikasi **MyJPJ**. Kerjasama orang awam amat dihargai bagi membantu JPJ memperkukuh tindakan penguatkuasaan serta membanteras kegiatan pengangkutan haram demi melindungi kepentingan pengguna dan imej negara.

KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA
6 JULAI 2026

[TAMAT]